



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

SIARAN MEDIA BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI

KEPIMPINAN MALAYSIA DI PERSADA ANTARABANGSA: KEPIMPINAN CEMERLANG YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID SEBAGAI PRESIDEN ASSEMBLY OF PARTIES (AOP) INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION ACADEMY (IACA) SESI KE-13

VIENNA, 4 November 2025 — Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) menzahirkan penghargaan dan rasa bangga di atas kejayaan YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), yang telah menutup penggal kepengerusian sebagai Presiden Assembly of Parties (AoP) International Anti-Corruption Academy (IACA) bagi sesi ke-13 (2024–2025) dengan kejayaan cemerlang.

Malaysia juga secara rasminya telah menyerahkan kepengerusian kepada H.E. Mr. Djordje Radulović, Wakil Tetap Montenegro ke IACA, menandakan penutup gemilang bagi penggal Malaysia dan kesinambungan kepimpinan serta semangat kolektif negara-negara anggota dalam memperkukuh peranan IACA sebagai peneraju global dalam bidang pendidikan, latihan dan penyelidikan antirasuah.

Pelantikan bersejarah pada 30 Oktober 2024 di Vienna, Austria menandakan kali pertama Malaysia diamanahkan mengetuai AoP IACA, sebuah institusi antarabangsa di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) yang memfokus kepada latihan, pendidikan dan penyelidikan dalam pencegahan rasuah global. Pemilihan sebulat suara oleh 77 negara ahli dan empat organisasi antarabangsa membuktikan keyakinan dunia terhadap kepimpinan dan komitmen Malaysia dalam memperkukuh integriti, tadbir urus serta reformasi institusi di peringkat antarabangsa.

Malaysia, selaku Presiden Biro AoP, telah memantau dan menyelia **Pelan Kerja IACA 2025–2028** serta **Belanjawan IACA 2025**, yang menjadi tonggak utama hala tuju akademi tersebut sebagai pusat kecemerlangan global bagi latihan profesional antirasuah.

Sepanjang tempoh kepengerusian Malaysia, dua program antarabangsa berprestij telah berjaya dilaksanakan, iaitu ***Regional Summer Academy*** yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama IACA, serta ***International Conference on Governance and Integrity 2025*** yang dikendalikan oleh BHEUU, JPM. Persidangan tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, pada 15 Julai yang lalu, sekali gus menzahirkan kepimpinan Malaysia dalam memperkasa kerjasama antarabangsa bagi pendidikan dan latihan profesional antirasuah di bawah naungan IACA.

Kepengerusian ini telah memperkukuh lagi sumbangan Malaysia dalam memperluas rangkaian pendidikan, latihan dan penyelidikan antirasuah di bawah IACA, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, pembinaan integriti sektor awam dan swasta, serta pemerkasaan kerjasama antarabangsa berasaskan perkongsian ilmu dan pengalaman.

Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang menekankan reformasi berasaskan integriti dan kebertanggungjawaban institusi. Melalui peranan aktif dalam IACA, Malaysia terus komited membina sistem tadbir urus yang telus, berkesan dan berprinsip, di samping mengangkat nama negara sebagai rakan global dalam memperjuangkan keadilan dan kejujuran sejagat.

“Bagi Malaysia, integriti bukan sekadar nilai nasional, tetapi prinsip sejagat yang memacu keadilan dan kemajuan dunia.” — YB Dato' Sri Azalina Othman Said.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
4 NOVEMBER 2025

